

16 JUL 2003
Jalur Gemilang
K'JAAN LANTIK 11 SYARIKAT BEKAL JALUR GEMILANG

JOHOR BAHRU, 16 Julai (Bernama) -- Kerajaan melantik 11 syarikat bagi membekalkan jalur gemilang ke seluruh negara, kata Pengerusi Jawatankuasa Kempen Kibar Bendera Jalur Gemilang, Dr Tiki Lafe hari ini.

Beliau berkata kerajaan melantik syarikat pembekal itu bagi memastikan jalur gemilang yang dijual di pasaran bermutu tinggi dan harganya berpatutan.

"Ketika ini Perbendaharaan sedang mengkaji harga yang sesuai untuk jualan sehelai jalur gemilang... tapi ia tidak mungkin lebih dari RM3.00 sehelai bagi bendera kereta," katanya pada sidang media selepas melawat Jabatan Kebajikan Masyarakat Johor di sini.

Tiki yang juga Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkata langkah itu juga dapat mengelak perbuatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu untuk mengaut keuntungan dengan menjual jalur gemilang pada harga yang mahal.

Katanya kempen kibar jalur gemilang peringkat kebangsaan kali ini diadakan di Melaka pada 17 Ogos dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berharap lebih banyak sektor swasta dan syarikat korporat sedia menaja pembelian jalur gemilang bagi memeriahkan lagi kempen itu sempena sambutan Hari Kemerdekaan Negara pada 31 Ogos.

"Syarikat-syarikat yang menaja pembelian jalur gemilang ini akan diberikan rebat cukai dan mereka hanya perlu mendapatkan pengesahan daripada exco kerajaan-kerajaan negeri," katanya.

Beliau juga meminta kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memastikan setiap premis dan kawasan perumahan di negara ini mengibarkan bendera jalur gemilang.

Tiki akui sambutan mengibarkan jalur gemilang di kawasan bandar khususnya tahun lalu tidak mengalakkan berbanding kawasan luar bandar yang memberikan respon yang memuaskan.

-- BERNAMA
BH MNY LAT